

26 NOV 1999  
Mahathir-PAS  
RAKYAT AKAN TERTIPU JIKA SOKONG PAS

KOTA BAHARU, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat akan tertipu jika memilih PAS dalam pilihan raya umum ini.

Perdana Menteri berkata PAS dan Parti Keadilan Nasional merupakan parti yang kerap menipu untuk memancing undi daripada rakyat.

Katanya, menjelang pengundian tiga hari lagi, bermacam-macam lagi penipuan akan dibuat oleh mereka termasuk mengedar surat palsu yang kononnya ditulis oleh beliau selaku Perdana Menteri.

"Dia kata dia ada enam kotak dokumen, jadi sekarang ini dia dok bawa keluarlah kononnya dokumen itu, bukannya dokumen betul, dia tipu.

"Inilah parti penipu, kalau rakyat bagi undi kepada orang yang menipu, rakyat akan tertipu," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan peletakan batu asas Jambatan Tendong-Wakaf Che Yah di Sekolah Kebangsaan Othman Talib di Tendong, 15 km dari sini.

Seorang wartawan sebelum itu menunjukkan beberapa keping risalah fotostat yang memburuk-burukkan pemimpin Barisan Nasional serta sehelai risalah yang kononnya ditulis oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai sokongan kepada calon PAS di Kelantan.

Risalah-risalah itu diedarkan di Masjid Muhammadi, Kota Baharu di mana Perdana Menteri serta Sultan Kelantan menunaikan solat Jumaat.

Satu daripada risalah itu menyatakan kononnya para pemimpin BN bersatu untuk kepentingan diri mereka.

"PAS bersatu dengan DAP, kepentingan siapa?" kata Dr Mahathir yang yakin BN akan merampas kembali Kelantan daripada PAS pada pilihan raya ini.

Menurutnya, PASlah yang sebenarnya memecah-belah dan memporak-perandakan orang Melayu.

Dr Mahathir berkata Umno boleh menerima penyokong PAS sebagai orang Islam demi perpaduan Islam.

"Kita nak supaya sekurang-kurangnya dalam ibadat, dalam mengamalkan ajaran Islam, kita tak berpecah," katanya.

Menurutnya, walaupun Umno dan PAS berbeza dalam pendekatan politik, ia tidak seharusnya melibatkan agama.

Beliau mengimbau zaman kecilnya apabila orang Melayu tidak langsung mempersoalkan keIslaman orang Melayu lain dan mereka menganggap semua orang Melayu sebagai Islam.

"Apabila sahaja PAS ditubuh bermulalah usaha PAS untuk memisahkan orang Melayu sesama orang Melayu yang semuanya menganut agama Islam dengan mendakwa bahawa mereka yang tidak ada dalam PAS, tidak Islam, tak menyokong PAS, tak Islam sehinggalah memecahbelahkan, memporak-perandakan orang Melayu," katanya.

Ditanya mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap akhbar Harakah milik PAS yang kerap menyiarkan laporan berbentuk fitnah, Dr Mahathir berkata: "Kalau kita ambil tindakan, dia kata kita takut dan sebagainya."

"Dia nanti 'appeal' (rayu) kepada kawan-kawan dia daripada luar negeri. CNN, CNBC akan sebar kata kita ini zalim, itu yang dia nak," katanya.

Perdana Menteri berkata sekarang inipun, CNN mendakwa kononnya pilihan raya ini tidak adil dan berbentuk rasuah menyebabkan parti pembangkang tidak boleh menang.

"Tapi sebenarnya mereka tahu nak kalah, jadi mereka awal-awal kata mereka tak boleh menang kerana ada korupsi," kata Dr Mahathir.

Mengenai Kelantan, beliau berkata peluang BN lebih cerah berbanding pilihan raya umum 1995 kerana kali ini PAS tidak lagi mendapat sokongan

Parti Melayu Semangat 46, yang telah dibubar untuk membolehkan anggota-anggotanya menyertai Umno.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup dengan para pemimpin BN negeri dan calon-calonnya di ibu pejabat Umno Kelantan di Kota Baharu. Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, yang mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan seharinya ke Kelantan, turut hadir pada mesyuarat itu.

Kelantan mempunyai 43 kerusi dewan undangan negeri termasuk 26 yang dikuasai PAS sebelum pembubarannya untuk membolehkan pilihan raya diadakan. Daripada 14 kerusi parlimen pula, BN menguasai lapan.

-- BERNAMA

TM MAI